

**Journal of Islamic Educational Research (JIER)**  
**e-ISSN: 0128-2069**

**Dimensi Pengalaman Mengajar dan Pengetahuan Pedagogi Kandungan dalam Pengajaran Tilawah Al-Quran: Sebuah Analisis Korelasi**

**Dimensions of Teaching Experience and Pedagogical Content Knowledge in Teaching of Tilawah Al-Quran: A Correlation Analysis**

**Nurul Hamimi Awang Japilan\*, Norhisham Muhamad\*\* & Jahidih Saili\*\*\***

| Article Information            | ABSTRACT  |
|--------------------------------|---|
| <i>Received:</i><br>13.12.2024 | Pengajaran Tilawah al-Quran dalam sistem pendidikan Malaysia telah mengalami transformasi signifikan melalui penstrukturkan kurikulum Pendidikan Islam khususnya dalam pengintegrasian pengetahuan pedagogi kandungan yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian-kajian empirikal terdahulu mendapati guru Pendidikan Islam masih mencatatkan tahap pengetahuan pedagogi kandungan (PPK) yang sederhana, serta cenderung mengamalkan kaedah pengajaran tradisional yang berpusatkan guru. Berlandaskan integrasi teori efikasi kendiri dan model PPK, kajian ini menentukan hubungan antara pengalaman mengajar dan PPK dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Kajian kuantitatif berbentuk tinjauan ini melibatkan 149 guru Pendidikan Islam di sekolah menengah harian Zon Barat Sabah dengan menggunakan soal selidik berstruktur 12 item dengan nilai kebolehpercayaan tinggi ( $>.90$ ). Dapatkan menunjukkan tahap pengalaman mengajar ( $M=3.99$ , $SP=0.56$ ) dan PPK ( $M=4.00$ , $SP=0.70$ ) berada pada tahap sederhana tinggi, dengan hubungan negatif yang signifikan antara keyakinan mengajar dengan PPK ( $r=-.175$ , $p<.05$ ). Penemuan ini memberi implikasi penting terhadap transformasi program pembangunan profesional guru yang perlu mengimbangi antara pengalaman praktikal dengan inovasi pedagogi kontemporari. |
| <i>Accepted:</i><br>29.12.2024 |   |

**Kata kunci:** Tilawah al-Quran, Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK), Pengalaman Mengajar, Pedagogi Terbeza, Pembangunan Profesional Guru

The teaching of Quranic recitation (*Tilawah al-Quran*) in Malaysia's education system has undergone significant transformation through the restructuring of the Islamic Education curriculum, particularly in integrating pedagogical content knowledge as outlined in the Malaysia Education Blueprint. However, previous empirical studies have found that Islamic Education teachers still demonstrate moderate levels of pedagogical content knowledge (PCK) and tend to employ traditional teacher-centered instructional methods. Based on the integration of self-efficacy theory and the PCK model, this study determines the relationship between teaching experience and PCK among Islamic Education teachers. This quantitative survey research involved 149 Islamic Education teachers from daily secondary schools in the Western Zone of Sabah, utilizing a structured 12-item questionnaire with high reliability ( $>.90$ ). The findings indicate that both teaching experience ( $M=3.99$ ,  $SD=0.56$ ) and PCK ( $M=4.00$ ,  $SD=0.70$ ) were at moderately high levels, with a significant negative correlation between teaching confidence and PCK ( $r=-.175$ ,  $p<.05$ ). These findings have important implications for the transformation of teacher professional development programs, which need to balance practical experience with contemporary pedagogical innovations.

**Keywords:** Quranic recitation, Pedagogical Content Knowledge (PCK), Teaching Experience, Differentiated Pedagogy, Teacher Professional Development

**Citation Information:** Awang Japilan, N. H., Muhamad, N., & Saili, J. (2024). Dimensi pengalaman mengajar dan pengetahuan pedagogi kandungan dalam pengajaran tilawah Al-Quran: Sebuah analisis korelasi. *Journal Islamic Education Research*, 10(1), 70-83.

\*Master's Candidate at Faculty of Human Sciences, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia. E-mail: ustazahnurulhamimi@gmail.com.

\*\*Associate Professor at Faculty of Human Sciences, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia. E-mail: nhisham@fsk.usm.edu.my.

\*\*\*Lecturer at Universiti Teknologi MARA Sabah Branch, Kampus Kota Kinabalu, 88997 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. Email: jahidihsaili@uitm.edu.my.

## 1. PENGENALAN

Pendidikan al-Quran merupakan komponen penting dalam sistem pendidikan di Malaysia dengan fokus untuk melahirkan murid yang berkemahiran dalam pembacaan, pemahaman dan pengamalan ajaran al-Quran Mohd Muzzammil Sharif dan Harun Baharudin (2022). Namun, realiti pendidikan al-Quran masa kini masih berhadapan dengan cabaran yang signifikan. Mohd Nahi Abdullah (2018) mendedahkan bahawa amalan pengajaran Tilawah al-Quran masih terikat dengan pendekatan tradisional yang hanya memperkenalkan tajuk dan bergantung kepada buku teks sebagai rujukan utama. Situasi ini dirumitkan lagi apabila kajian Zetty Nurzuliana Rashed et al. (2015) mendapati guru Pendidikan Islam kurang melaksanakan aktiviti talaqi dan musyafahah dalam pengajaran Tilawah al-Quran, membawa kepada kemerosotan dalam penguasaan kemahiran membaca al-Quran dalam kalangan murid. Dapatkan ini disokong oleh Sapie Sabilan (2018) yang turut melaporkan kelemahan murid dalam penguasaan bacaan al-Quran. Zurina Mustaffa et al. (2022) mengaitkan fenomena ini dengan pendekatan pengajaran yang tidak mengambil kira kepelbagaian keupayaan murid dan terlalu terikat dengan silibus, seterusnya menjelaskan pemahaman murid terhadap mata pelajaran yang diajar.

Pengalaman mengajar dan pengetahuan pedagogi kandungan (PPK) merupakan dua elemen yang memberi impak signifikan terhadap keberkesanan pengajaran Tilawah al-Quran. Kajian empirikal oleh Daumiller et al. (2021) menunjukkan bahawa penggunaan strategi pengajaran yang konsisten dan berkesan meningkatkan tahap keberkesanan pengajaran guru. Dapatkan ini diperkuuhkan oleh kajian Fauth et al. (2019) yang mendapati peranan PPK sebagai pemboleh ubah perantara dalam hubungan antara kompetensi guru dengan kualiti pengajaran. Dalam konteks pengajaran Tilawah al-Quran khususnya, Mohd Nahi Abdullah (2018) mendapati keberkesanan pengajaran sangat bergantung kepada dua elemen utama iaitu penguasaan kaedah pengajaran dan keupayaan guru menyampaikan isi kandungan. Walau bagaimanapun, Zurina Mustaffa et al. (2022) mendedahkan fenomena kritis apabila guru yang terlalu bergantung kepada pengalaman tanpa penguasaan PPK yang mantap cenderung mengabaikan keperluan pembelajaran individu murid. Kelemahan ini diperkuuhkan oleh dapatan Zetty Nurzuliana Rashed et al. (2015) yang mengenal pasti bahawa kekurangan kemahiran pedagogi menjelaskan pelaksanaan aktiviti talaqi dan musyafahah yang berkesan. Hubungan kompleks antara pengalaman mengajar dengan PPK ini memberi implikasi mendalam terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran Tilawah al-Quran dan menuntut penelitian lebih mendalam untuk memahami dinamik hubungan kedua-dua konstruk ini.

Pengajaran Tilawah al-Quran di Malaysia berhadapan dengan cabaran kritis yang memerlukan transformasi dalam proses PdP. Kajian Sapie Sabilan (2018) mendedahkan isu fundamental iaitu kelemahan penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan murid sekali gus menggambarkan proses pengajaran sedia ada kurang berkesan. Situasi ini bertambah rumit apabila dapatan Zetty Nurzuliana Rashed et al. (2015) menunjukkan kekurangan pelaksanaan aktiviti talaqi dan musyafahah dalam kalangan guru Pendidikan Islam, seterusnya menjelaskan kemahiran membaca al-Quran murid. Berdasarkan perspektif pedagogi pula, Daniel Arif Abdul Muttalip (2020) mengenal pasti kelemahan guru dalam menentukan kaedah pengajaran yang sesuai untuk kepelbagaian tahap murid. Dapatkan ini selari dengan kajian Muhammad Amirullah Jasni dan Mohd Isa Hamzah (2023) yang mendapati guru masih mengamalkan pendekatan pengajaran tradisional. Senario ini diperkuuhkan oleh dua kajian berturutan oleh Zurina Mustaffa et al. (2022, 2021) yang mendedahkan kegagalan pelaksanaan pedagogi terbeza dalam pengajaran Tilawah al-Quran dan kecenderungan guru untuk mengajar mengikut silibus tanpa mengambil kira keupayaan murid. Keperluan mendesak untuk transformasi menyeluruh dalam pendekatan pengajaran Tilawah al-Quran di Malaysia tidak dapat dinafikan berdasarkan bukti empirikal ini.

Analisis kajian-kajian lepas tentang pengajaran Tilawah al-Quran mendedahkan beberapa jurang signifikan dalam pemahaman hubungan antara pengalaman mengajar dengan PPK. Kajian Muhammad Adib dan Jamayah Lasot (2023) tentang amalan pengajaran Tilawah al-Quran berfokus kepada kritikan terhadap pendekatan konvensional berdasarkan buku teks, namun tidak mengaitkannya dengan pengalaman mengajar guru. Begitu juga dengan kajian Zetty Nurzuliana Rashed et al. (2019) yang hanya melaporkan kelemahan dalam pedagogi Pendidikan Islam tanpa meneliti peranan PPK dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran. Walaupun Zurina Mustaffa et al. (2021) dan Mohd Muzzammil Sharif dan Harun Baharudin (2022) mengemukakan dapatan berbeza tentang tahap pengajaran guru dari sederhana hingga tidak optimum kedua-dua kajian tidak menghubungkaitkan dapatan dengan aspek pengalaman mengajar. Limitasi yang sama ditemui dalam kajian Daniel Arif Abdul Muttalip (2020) yang mendedahkan jurang pengetahuan pedagogi, dan kajian Zurina Mustaffa et al. (2022) yang membincangkan kepentingan memahami keupayaan murid, namun kedua-duanya tidak mengkaji peranan pengalaman mengajar secara spesifik. Keterbatasan dan ketidakkonsistenan dalam kajian-kajian ini menunjukkan keperluan untuk mengkaji hubungan antara pengalaman mengajar dengan PPK dalam konteks pengajaran Tilawah al-Quran secara lebih komprehensif.

Kajian ini membawa beberapa sumbangan penting kepada bidang pendidikan Tilawah al-Quran yang dapat membantu menangani isu semasa dalam pengajaran. Dalam aspek teoretikal, kajian ini mengukuhkan pemahaman tentang hubungan antara pengalaman mengajar dengan PPK, selaras dengan dapatan Mohd Nahi Abdullah (2018) tentang kepentingan penguasaan kaedah pengajaran dalam keberkesanan pengajaran Tilawah al-Quran. Sumbangan kepada literatur tempatan dapat dilihat melalui pengenalpastian jurang yang dilaporkan oleh Zetty Nurzuliana Rashed et al. (2015) mengenai kelemahan dalam aktiviti talaqi dan musyafahah yang memerlukan penambahbaikan PPK guru. Zurina Mustaffa et al. (2022) menekankan bahawa pemahaman

mendalam tentang hubungan pengalaman mengajar dengan PPK dapat membantu guru mengambil kira kepelbagaiannya keupayaan murid dalam pengajaran. Berdasarkan aspek praktikal, kajian ini menyediakan panduan untuk mengatasi cabaran yang dikenal pasti oleh Muhammad Nazir Mohammed Khalid et al. (2017) mengenai penguasaan kaedah pengajaran yang sesuai. Hapini Awang (2022) mendapati bahawa guru masih terikat dengan kaedah tradisional, justeru dapatkan kajian ini dapat membantu dalam merancang program pembangunan profesional yang lebih berkesan. Norhisham Muhamad et al. (2019) menegaskan bahawa kurangnya pengetahuan tentang kaedah pengajaran berkesan memberi impak kepada pencapaian objektif pembelajaran, maka kajian ini menawarkan penyelesaian untuk meningkatkan kualiti pengajaran Tilawah al-Quran secara menyeluruh.

### **1.1. Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

1. Mengenal pasti tahap pengalaman mengajar Tilawah al-Quran dalam kalangan guru Pendidikan Islam.
2. Mengenal pasti tahap PPK pengajaran Tilawah al-Quran dalam kalangan guru Pendidikan Islam.
3. Menentukan hubungan antara pengalaman mengajar dengan PPK pengajaran Tilawah al-Quran dalam kalangan guru Pendidikan Islam.

### **1.2. Soalan Kajian**

Berdasarkan objektif kajian yang ditetapkan, kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan kajian berikut:

1. Apakah tahap pengalaman mengajar Tilawah al-Quran dalam kalangan guru Pendidikan Islam?
2. Apakah tahap PPK dalam pengajaran Tilawah al-Quran dalam kalangan guru Pendidikan Islam?
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pengalaman mengajar dengan PPK dalam pengajaran Tilawah al-Quran dalam kalangan guru Pendidikan Islam?


### **1.3. Hipotesis Kajian**

Berdasarkan persoalan kajian ketiga, hipotesis nol berikut telah dibentuk:

H01 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengalaman mengajar dengan PPK dalam pengajaran Tilawah al-Quran dalam kalangan guru Pendidikan Islam.

## **2. KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN**

Kerangka konseptual kajian ini dibina berdasarkan integrasi tiga teori utama yang mendasari hubungan antara pengalaman mengajar dengan PPK dalam konteks pengajaran Tilawah al-Quran. Teori efikasi kendiri Bandura (1997) menyediakan asas pemahaman tentang peranan pengalaman mengajar dalam mempengaruhi keyakinan dan keberkesanannya guru, manakala perspektif Al-Ghazali (1988) memperkayakan kerangka ini dengan dimensi spiritual dan etika dalam konteks pendidikan Islam. PPK yang diketengahkan oleh Zurina Mustaffa et al. (2022) pula memperincikan komponen-komponen penting dalam pengajaran Tilawah al-Quran, termasuk penguasaan ilmu tajwid, kaedah pengajaran, pengenalpastian kesalahan bacaan, penerangan konsep, dan kemahiran menunjukkan sebutan huruf. Kerangka ini menggambarkan hubungan antara dua konstruk utama yang dikaji secara empirikal menggunakan analisis korelasi. Konstruk pengalaman mengajar mengandungi dimensi-dimensi seperti keyakinan hasil pengalaman mengajar, strategi pengajaran berkesan, penyesuaian kaedah pengajaran dan penilaian keberkesanannya melalui pelbagai sumber, manakala konstruk PPK merangkumi lima komponen kritikal dalam pengajaran Tilawah al-Quran. Integrasi ketiga-tiga teori ini membentuk kerangka konseptual yang komprehensif untuk memahami dinamik hubungan antara pengalaman mengajar dengan PPK dalam konteks pengajaran Tilawah al-Quran.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian Hubungan Pengalaman Mengajar dengan Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) dalam Pengajaran Tilawah al-Quran Adaptasi daripada Bandura (1997), Al-Ghazali (1988) dan Zurina Mustaffa et al. (2022)

### 3. SOROTAN LITERATUR

#### 3.1. Konsep Pengalaman Mengajar sebagai Konstruk

Pengalaman mengajar merupakan konstruk kompleks yang telah mendapat perhatian meluas dalam penyelidikan pendidikan kontemporari. Morris et al. (2018) mendefinisikan pengalaman mengajar sebagai penguasaan kemahiran dan pengetahuan yang diperoleh melalui amalan pengajaran secara langsung yang memberi kesan kepada efikasi dan keberkesanannya guru. Daumiller et al. (2021) mengembangkan definisi ini dengan mengenal pasti bahawa guru yang menggunakan strategi pengajaran berkesan secara konsisten menunjukkan peningkatan dalam keyakinan dan keberkesanannya pengajaran. Teori asas pengalaman mengajar dalam konteks Tilawah al-Quran dikukuhkan oleh Mohd Nahi Abdullah (2018) yang menunjukkan kepentingan penguasaan kaedah pengajaran dan keupayaan penyampaian isi kandungan yang berkesan. Zurina Mustaffa et al. (2022) memperkenalkan model yang menekankan kepentingan mengintegrasikan pengalaman mengajar dengan keupayaan memenuhi keperluan pembelajaran individu murid. Zetty Nurzuliana Rashed et al. (2015) mengembangkan konsep ini dengan mengenal pasti komponen kritikal dalam pengalaman mengajar Tilawah al-Quran termasuk kemahiran talaqqi dan musyafahah. Evolusi konsep pengalaman mengajar dalam literatur menunjukkan peralihan daripada fokus tempoh perkhidmatan kepada penekanan terhadap kualiti dan keberkesanannya pengajaran, seperti yang dibuktikan oleh Hapini Awang (2022) dalam konteks pengajaran Tilawah al-Quran.

Kajian-kajian lepas telah mengenal pasti pelbagai komponen penting dalam pengalaman mengajar Tilawah al-Quran yang memerlukan pengukuran komprehensif. Mohd Nahi Abdullah (2018) menggariskan komponen utama termasuk penguasaan kaedah pengajaran, pendekatan memperkenalkan tajuk, dan penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran Tilawah al-Quran. Mohd Syakir Moktar dan Mohd Farid Mohd Sharif (2021) menambah dimensi aktiviti talaqqi dan musyafahah sebagai komponen kritikal yang perlu diukur dalam menilai keberkesanannya pengalaman mengajar. Zurina Mustaffa et al. (2022) mengukur tahap pengalaman mengajar melalui pengetahuan dan amalan pedagogi, mendapatkan tahap sederhana dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Haziyah Hussin dan Masitah Ismail (2018) pula mengkaji komponen pengetahuan dan kemahiran guru dalam melaksanakan pengajaran yang berkesan, mendedahkan jurang yang masih wujud dalam penguasaan kaedah pengajaran. Muhammad Zulazizi Mohd Nawi dan Muhammad Amirul Mohd Nor (2021) mengenal pasti kelemahan dalam pengukuran pengalaman mengajar apabila mendapatkan guru masih terikat dengan kaedah tradisional tanpa inovasi pedagogi. Zurina Mustaffa et al. (2022) mengembangkan skop pengukuran dengan memasukkan komponen keupayaan guru memahami dan memenuhi keperluan pembelajaran murid yang pelbagai. Kajian-kajian ini mendedahkan jurang dalam pengukuran pengalaman mengajar yang memerlukan pendekatan lebih holistik dan komprehensif.

#### 3.2. Konsep Pengetahuan Pedagogi Kandungan

PPK merupakan satu konsep penting dalam bidang pendidikan yang merujuk kepada gabungan khusus antara pengetahuan kandungan mata pelajaran dengan pengetahuan pedagogi yang diperlukan untuk pengajaran yang berkesan (Shulman, 1987). PPK melibatkan keupayaan guru untuk mentransformasikan pengetahuan kandungan kepada bentuk yang boleh difahami oleh murid, dengan mengambil kira pengetahuan sedia ada murid, kesukaran konsep, dan strategi pengajaran yang sesuai (Zurina Mustaffa et al., 2021; Shearer & Karanian, 2018). Model PPK yang paling berpengaruh ialah Model Pengetahuan Guru oleh Shulman (1987) yang mencadangkan tujuh kategori pengetahuan guru, termasuk PPK sebagai komponen utama. Model ini telah

dikembangkan lagi oleh ramai pengkaji lain seperti Mishra dan Koehler (2006) yang memperkenalkan konsep Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK). Perkembangan konsep PPK juga dapat dilihat melalui pelbagai kajian empirikal yang menunjukkan hubungan positif antara PPK guru dengan kualiti pengajaran dan pencapaian murid (Fauth et al., 2019; Alfallah, 2018; Mahler et al., 2018). Walau bagaimanapun, pengukuran PPK masih menjadi cabaran kerana sifatnya yang kompleks dan spesifik mengikut mata pelajaran, justeru memerlukan pendekatan penilaian yang lebih holistik dan kontekstual (Zurina Mustaffa et al., 2021).

Pengukuran PPK dalam kajian lepas sering menggunakan pelbagai kaedah seperti pemerhatian bilik darjah, temu bual, ujian pengetahuan, dan analisis rancangan pengajaran (Zurina Mustaffa et al., 2021; Suprayogi et al., 2017). Kaedah-kaedah ini bertujuan untuk menilai keupayaan guru dalam mengintegrasikan pengetahuan kandungan dengan strategi pengajaran yang berkesan. Kajian empirikal telah menunjukkan kepentingan PPK dalam meningkatkan kualiti PdP. Sebagai contoh, kajian oleh Fauth et al. (2019) mendapati bahawa PPK guru mempunyai kesan positif terhadap pencapaian murid dalam sains melalui peranan pengantara kualiti pengajaran. Kajian lain oleh Alfallah (2018) pula menunjukkan bahawa PPK guru meramalkan amalan pengajaran berkesan seperti sokongan autonomi dan struktur yang jelas. Kepentingan PPK juga diakui oleh guru sendiri, dengan kajian oleh Agus Supriyanto et al. (2019) melaporkan bahawa majoriti guru bersetuju tentang perlunya penguasaan PPK untuk pengajaran yang berkesan. Walau bagaimanapun, masih terdapat jurang dalam literatur PPK, terutamanya dari segi pengukuran yang komprehensif dan spesifik mengikut mata pelajaran (Zurina Mustaffa et al., 2021). Selain itu, kajian lanjutan diperlukan untuk meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan PPK guru serta hubungannya dengan pemboleh ubah lain seperti efikasi kendiri dan kepuasan kerja (Shearer & Karanian, 2017; Alfallah, 2018).

### **3.3. Pengajaran Tilawah Al-Quran**

Pengajaran Tilawah Al-Quran merupakan satu komponen penting dalam pendidikan Islam yang bertujuan untuk melahirkan murid yang boleh membaca, menghafaz dan memahami al-Quran dengan baik. Dalam aspek pendekatan pedagogi, pengajaran Tilawah Al-Quran sering menggunakan kaedah talaqqi dan musyafahah yang melibatkan pembelajaran secara bersemuka dengan guru (Mohd Nahi Abdullah, 2018). Kaedah ini membolehkan guru membetulkan kesalahan sebutan dan bacaan murid serta memastikan penguasaan hukum tajwid yang betul (Zurina Mustaffa et al., 2021). Selain itu, penggunaan teknologi seperti perisian dan aplikasi pembelajaran juga semakin popular dalam pengajaran Tilawah Al-Quran bagi menarik minat murid dan memudahkan pembelajaran kendiri (Haziyah Hussin & Masitah Ismail, 2018; Noor Azaref Naim & Jamalludin Harun, 2014). Dalam aspek standard pengajaran pula, guru Tilawah Al-Quran perlu menguasai kemahiran asas seperti sebutan makhraj huruf yang betul, penguasaan hukum tajwid, serta keupayaan mengajar dengan fasih dan lancar (Muhammad Zulazizi Mohd Nawi & Muhammad Amirul Mohd Nor, 2021; Mohd Nahi Abdullah, 2018; Supriyanto et al., 2019). Walau bagaimanapun, cabaran dalam pengajaran Tilawah Al-Quran tetap wujud, terutamanya dari segi penguasaan kemahiran guru, motivasi murid, serta kekangan masa dan sumber (Salleh et al., 2024; Zurina Mustaffa et al., 2022; Siti Nur Aziemah Rosli & Khadijah Abdul Razak, 2021).

Walaupun pengajaran Tilawah Al-Quran merupakan satu komponen penting dalam pendidikan Islam, terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakannya secara berkesan. Antara cabaran utama ialah kekurangan kompetensi guru, terutamanya dari segi penguasaan ilmu tajwid dan kemahiran pedagogi yang bersesuaian (Zurina Mustaffa et al., 2022; Mohd Syahazizamir Sahmat, 2021). Kajian oleh Nor Hafizi Yusof et al. (2018) mendapati bahawa masih terdapat murid yang lemah dalam penguasaan bacaan al-Quran, yang mencerminkan kelemahan dalam pengajaran guru. Selain itu, isu semasa seperti kekangan masa, kekurangan sumber pengajaran, dan kepelbagaiannya tahap penguasaan murid turut menjadi cabaran dalam pengajaran Tilawah Al-Quran (Zurina Mustaffa et al., 2022). Kajian terkini juga menunjukkan bahawa ramai guru masih mengamalkan pendekatan pengajaran tradisional yang berpusatkan guru, dan kurang mengaplikasikan strategi pengajaran terbeza yang dapat memenuhi keperluan pelbagai murid (Zurina Mustaffa et al., 2022; Mohd Syakir Moktar & Mohd Farid Mohd Sharif, 2021). Justeru, adalah penting untuk terus memperkasakan kompetensi guru Tilawah Al-Quran melalui latihan profesional dan sokongan berterusan, agar mereka dapat mengajar dengan lebih berkesan dalam menghadapi cabaran semasa.

### **3.4. Hubungan antara Pengalaman Mengajar dengan PPK**

Hubungan antara pengalaman mengajar dengan PPK guru dapat difahami melalui beberapa teori dan model konseptual. Teori Perkembangan Guru oleh Berliner (1988) menekankan bahawa keupayaan guru dalam menyesuaikan kaedah pengajaran dan menilai keberkesaan pengajaran mempengaruhi peningkatan PPK guru. Model Pengetahuan Guru oleh Shulman (1987) pula menggariskan bahawa PPK terbentuk melalui keupayaan guru mengintegrasikan pengetahuan kandungan, kemahiran pedagogi dan pemahaman konteks pembelajaran berdasarkan pengalaman mengajar yang melibatkan interaksi dengan murid dan rakan sekerja. Kajian empirikal lepas menunjukkan hubungan positif antara aspek-aspek pengalaman mengajar dengan PPK guru. Kajian Zurina Mustaffa et al. (2021) mendapati bahawa guru yang mempunyai keyakinan tinggi dan menggunakan strategi pengajaran berkesan menunjukkan tahap PPK yang lebih baik dalam pengajaran Pendidikan Islam. Dapatkan ini disokong oleh Kini dan Podolsky (2016) serta Darling-Hammond et al. (2017) yang membuktikan bahawa keupayaan guru menerangkan konsep kompleks dan menilai pencapaian murid meningkatkan pengetahuan kandungan dan pedagogi. Walau bagaimanapun, Mahler et al. (2018) melaporkan dapatan berbeza di mana hubungan antara kemahiran pengajaran guru dengan PPK adalah tidak

konsisten merentas mata pelajaran. Percanggahan ini mencadangkan bahawa hubungan antara kedua-dua konstruk mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti kualiti maklum balas murid, keberkesanan strategi pengajaran, dan konteks pembelajaran yang berbeza.

Analisis jurang penyelidikan menunjukkan beberapa aspek penting yang memerlukan kajian lanjut dalam hubungan antara pengalaman mengajar dengan PPK guru. Mohd Syakir Moktar dan Mohd Farid Mohd Sharif (2021) mendapati kekurangan kajian yang meneliti bagaimana keyakinan guru, penggunaan strategi pengajaran, dan penyesuaian kaedah mengajar mempengaruhi PPK dalam konteks pengajaran Tilawah Al-Quran. Noor Azaref Naim dan Jamalludin Harun (2014) pula mendedahkan kurangnya perhatian terhadap bagaimana penilaian berasaskan maklum balas murid, pandangan rakan sekerja, dan pencapaian pelajar mempengaruhi hubungan antara pengalaman mengajar dengan PPK. Kajian ini berusaha mengisi jurang tersebut dengan meneliti secara khusus bagaimana keupayaan guru dalam pelbagai aspek pengajaran Tilawah Al-Quran berkait dengan PPK mereka. Dapatkan kajian ini dijangka dapat membantu meningkatkan kualiti pengajaran Tilawah Al-Quran dengan memberi panduan tentang aspek pengajaran yang perlu diberi keutamaan dalam meningkatkan PPK. Kajian ini juga menyumbang kepada pembangunan profesional guru dengan mengenal pasti aspek pengajaran kritikal yang perlu diberi penekanan dalam meningkatkan kemahiran pedagogi guru Tilawah Al-Quran.

#### **4. METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berserta kaedah tinjauan rentas bagi menentukan hubungan antara pengalaman mengajar dengan PPK dalam PdP Tilawah al-Quran. Pendekatan ini membolehkan data diukur secara objektif melalui analisis statistik numerik bagi mengenal pasti hubungan serta tahap boleh ubah kajian. Penyelidikan ini turut mengaplikasikan kaedah tinjauan berikutan keberkesanannya mengumpul data daripada populasi besar, terutamanya guru Pendidikan Islam dengan cakupan menyeluruh di Zon Barat Sabah (Rozmi Ismail, 2016). Kajian rentas bersifat relevan dalam konteks sedia ada kerana tidak melibatkan manipulasi boleh ubah. Kesesuaian reka bentuk kajian ini memenuhi keperluan analisis hubungan antara boleh ubah serta menjawab persoalan kajian secara komprehensif. Reka bentuk ini menyumbang kepada pembangunan pengetahuan pedagogi dalam bidang Tilawah al-Quran.

Seterusnya, populasi kajian merangkumi 149 orang guru Pendidikan Islam di sekolah menengah harian Zon Barat Sabah. Pemilihan lokasi ini berasaskan kesesuaian populasi serta konteks kajian (Alis Puteh, 2012). Teknik pensampelan seluruh populasi diaplikasikan kerana saiz populasi kecil namun boleh dicapai (Etikan & Bala, 2017). Hal ini meningkatkan ketepatan dapatan dengan mengurangkan ralat pensampelan (Martínez-Mesa et al., 2016). Kadar respons melebihi 85% dicapai melalui strategi teliti seperti pemberian notis awal, penggunaan Google Forms, serta hubungan langsung dengan pihak pentadbir sekolah (Fan & Yan, 2010). Pemilihan populasi ini merangkumi pelbagai latar belakang demografi guru bagi memastikan dapatan kajian lebih komprehensif serta menyeluruh (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2018).

Instrumen kajian terdiri daripada soal selidik berstruktur dengan 12 item bagi mengukur pengalaman mengajar serta PPK guru Pendidikan Islam dalam konteks PdP Tilawah al-Quran. Pembangunan instrumen pengalaman mengajar diadaptasi daripada Bandura (1997) dan Al-Ghazali (1988). Instrumen PPK pula berasaskan pendekatan Zurina Mustaffa et al. (2022) serta Tomlinson (2014) merangkumi dimensi perancangan, pelaksanaan, dan keadilan terhadap murid. Soal selidik ini mengandungi 7 item pengalaman mengajar serta 5 item PPK dengan skala Likert lima mata (Creswell & Creswell, 2018). Kesahan muka serta kandungan dilaksanakan melalui panel pakar dengan nilai I-CVI setiap item melebihi 0.78 manakala nilai S-CVI/Purata mencapai 0.90 (Polit et al., 2006). Kebolehpercayaan instrumen diukur menggunakan pekali alpha Cronbach dengan nilai keseluruhan melebihi 0.90 (Hair et al., 2019).

Prosedur pengumpulan data dirancang secara sistematik dengan tempoh kutipan selama lapan minggu. Proses bermula dengan mendapatkan kebenaran bertulis daripada EPRD, JPNS, PPD, serta pentadbiran sekolah. Soal selidik diedarkan secara dalam talian melalui Google Forms serta bersemuka bagi memaksimumkan dapatan serta interaksi langsung. Pemantauan dilakukan setiap minggu menerusi panggilan susulan kepada pihak sekolah. Analisis data melibatkan statistik deskriptif seperti min serta sisihan piawai bagi menilai tahap pengalaman mengajar serta PPK guru. Analisis korelasi Pearson dengan aras signifikan 0.05 digunakan bagi menentukan kekuatan serta arah hubungan antara boleh ubah (Pallant, 2016). Gabungan analisis deskriptif serta inferensi memastikan dapatan relevan dengan objektif kajian. Ringkasan metodologi kajian adalah seperti dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Ringkasan Metodologi Kajian

| <b>Aspek Metodologi</b>               | <b>Keterangan</b>   |
|---------------------------------------|---|
| <b>Reka Bentuk Kajian</b>             | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pendekatan: Kuantitatif dengan kaedah tinjauan rentas</li> <li>Justifikasi: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Membolehkan pengukuran data secara objektif melalui analisis statistik</li> <li>- Sesuai untuk populasi besar dan tersebar</li> <li>- Meningkatkan kebolehpercayaan kesahan luaran</li> <li>- Tidak melibatkan manipulasi pemboleh ubah</li> </ul> </li> <li>Populasi: 149 guru Pendidikan Islam di sekolah menengah harian Zon Barat Sabah</li> <li>Teknik: Pensampelan seluruh populasi</li> <li>Kadar respons dijangka: 85%</li> <li>Strategi penglibatan: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pemberian notis awal</li> <li>- Penggunaan <i>Google Forms</i></li> <li>- Hubungan langsung dengan pentadbir sekolah</li> </ul> </li> </ul>  |
| <b>Populasi &amp; Pensampelan</b>     | <ul style="list-style-type: none"> <li>Format: Soal selidik berstruktur (12 item)</li> <li>Komponen utama: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengalaman mengajar (7)</li> <li>- PPK (5 item)</li> </ul> </li> <li>Skala: Likert 5 mata</li> </ul>  |
| <b>Instrumen Kajian</b>               | <ul style="list-style-type: none"> <li>Kesahan: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesahan muka dan kandungan melalui panel pakar</li> <li>- Nilai I-CVI: <math>\geq 0.78</math></li> <li>- Nilai S-CVI/Purata: 0.90</li> </ul> </li> <li>Kebolehpercayaan: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Alpha Cronbach <math>&gt; 0.90</math></li> </ul> </li> <li>Tempoh: 8 minggu</li> <li>Kaedah edaran: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Dalam talian (<i>Google Forms</i>)</li> <li>- Bersemuka</li> </ul> </li> <li>Protokol: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kebenaran dari EPRD, JPNS, PPD</li> <li>- Pemantauan setiap 2 minggu</li> <li>- Pematuhan etika penyelidikan</li> </ul> </li> <li>Statistik deskriptif: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Min dan sisihan piawai</li> </ul> </li> <li>Statistik inferensi: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Korelasi Pearson</li> <li>- Aras signifikan: 0.05</li> </ul> </li> <li>Interpretasi: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Nilai <math>r \approx 1</math>: Hubungan positif kuat</li> <li>- Nilai <math>r \approx -1</math>: Hubungan negatif kuat</li> <li>- Nilai <math>r \approx 0</math>: Tiada hubungan</li> </ul> </li> </ul> |
| <b>Kesahan &amp; Kebolehpercayaan</b> |   |
| <b>Prosedur Pengumpulan Data</b>      |   |
| <b>Analisis Data</b>                  |   |

## 5. DAPATAN KAJIAN

Analisis profil demografi responden melibatkan 149 orang guru Pendidikan Islam sekolah menengah harian di Zon Barat Sabah. Berdasarkan Jadual 2, seramai 89 orang guru merupakan guru perempuan, mewakili 59.7% daripada jumlah keseluruhan responden. Manakala baki 60 orang guru merupakan guru lelaki dengan peratusan sebanyak 40.3%. Dapatkan ini menunjukkan bahawa majoriti guru Pendidikan Islam di Zon Barat Sabah terdiri daripada guru perempuan dengan perbezaan peratusan sebanyak 19.4% berbanding guru lelaki.

## 5.1. Demografi Responden

Jadual 2: Demografi Guru Pendidikan Islam

| No.     | Item                | Kekerapan | Peratus (%) |
|---------|---------------------|-----------|-------------|
| Jantina | Jantina (Lelaki)    | 60        | 40.3%       |
|         | Jantina (Perempuan) | 89        | 59.7%       |

## 5.2. Tahap Pengalaman Mengajar

Analisis deskriptif dijalankan untuk menilai tahap pengalaman Guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Tilawah al-Quran ( $N = 149$ ). Dapatkan menunjukkan tiga dimensi berada pada tahap tinggi: kemampuan menerangkan konsep kompleks ( $M = 4.26$ ,  $SD = 0.559$ ), kemahiran menyesuaikan kaedah mengajar ( $M = 4.11$ ,  $SD = 0.559$ ), dan kebolehan menilai keberkesanan pengajaran berdasarkan pencapaian murid ( $M = 4.05$ ,  $SD = 0.562$ ). Lima dimensi lain berada pada tahap sederhana tinggi: penilaian berdasarkan pandangan rakan sekerja ( $M = 3.96$ ,  $SD = 0.531$ ), keyakinan pengajaran ( $M = 3.89$ ,  $SD = 0.576$ ), penilaian berdasarkan maklum balas murid ( $M = 3.86$ ,  $SD = 0.558$ ), dan penggunaan strategi pengajaran berkesan ( $M = 3.79$ ,  $SD = 0.564$ ). Secara kolektif, konstruk pengalaman guru mencatatkan tahap sederhana tinggi ( $M = 3.99$ ,  $SD = 0.56$ ). Taburan respons menunjukkan majoriti guru ( $>60\%$ ) bersetuju atau sangat bersetuju dengan semua item yang diukur, dengan peratusan persetujuan tertinggi pada item menerangkan konsep kompleks (93.9%) dan terendah pada penggunaan strategi pengajaran berkesan (72.5%).

Jadual 3: Tahap Pengalaman Guru Pendidikan Islam

| Item  | STS       | TS          | TP            | S              | SS            | Min         | SP          | Interpretasi            |
|---|-----------|-------------|---------------|----------------|---------------|-------------|-------------|-------------------------|
| Pengalaman mengajar meningkatkan keyakinan dalam Tilawah al-Quran.        | 0<br>(0%) | 1<br>(0.7%) | 31<br>(20.8%) | 101<br>(67.8%) | 16<br>(10.7%) | 3.89        | 0.576       | Sederhana Tinggi        |
| Menggunakan strategi pengajaran berkesan dalam kelas Tilawah al-Quran.    | 0<br>(0%) | 1<br>(0.7%) | 40<br>(26.8%) | 98<br>(65.8%)  | 10<br>(6.7%)  | 3.79        | 0.564       | Sederhana Tinggi        |
| Menyesuaikan kaedah mengajar untuk pelbagai tahap murid Tilawah al-Quran. | 0<br>(0%) | 0 (0%)      | 16<br>(10.7%) | 101<br>(67.8%) | 32<br>(21.5%) | 4.11        | 0.559       | Tinggi                  |
| Menilai keberkesanan pengajaran berdasarkan maklum balas murid.           | 0<br>(0%) | 0 (0%)      | 35<br>(23.5%) | 100<br>(67.1%) | 14<br>(9.4%)  | 3.86        | 0.558       | Sederhana Tinggi        |
| Menilai keberkesanan pengajaran berdasarkan pandangan rakan sekerja.      | 0<br>(0%) | 0 (0%)      | 24<br>(16.1%) | 107<br>(71.8%) | 18<br>(12.1%) | 3.96        | 0.531       | Sederhana Tinggi        |
| Menilai keberkesanan pengajaran berdasarkan pencapaian murid.             | 0<br>(0%) | 0 (0%)      | 20<br>(13.4%) | 102<br>(68.5%) | 27<br>(18.1%) | 4.05        | 0.562       | Tinggi                  |
| Menerangkan konsep kompleks Tilawah al-Quran dengan jelas kepada murid.   | 0<br>(0%) | 0 (0%)      | 9 (6.0%)      | 93<br>(62.4%)  | 47<br>(31.5%) | 4.26        | 0.559       | Tinggi                  |
| <b>Min Keseluruhan</b>  |           |             |               |                |               | <b>3.99</b> | <b>0.56</b> | <b>Sederhana Tinggi</b> |

## 5.3. Pengetahuan Pedagogik Kandungan (PPK)

Penilaian tahap Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) dalam kalangan guru Tilawah al-Quran ( $N = 149$ ) telah dijalankan berdasarkan lima dimensi utama. Analisis deskriptif memperlihatkan tahap PPK secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana tinggi ( $M = 4.00$ ,  $SP = 0.70$ ). Dimensi penguasaan kaedah pengajaran mencatatkan skor min tertinggi dengan tahap tinggi ( $M = 4.21$ ,  $SP = 0.58$ ), dengan 29.5% responden menyatakan persetujuan manakala majoriti (61.7%) memilih tidak pasti. Seterusnya, dimensi pengenalpastian kesalahan bacaan turut berada pada tahap tinggi ( $M = 4.01$ ,  $SP = 0.78$ ; setuju = 30.9%, tidak pasti = 38.9%). Dimensi penguasaan ilmu tajwid dan kemahiran menunjukkan sebutan huruf mencatatkan skor min yang

sama pada tahap sederhana tinggi ( $M = 3.99$ ,  $SP = 0.78$ ), dengan taburan respons yang seimbang (setuju = 30.2%, tidak pasti = 38.9%). Dimensi penerangan konsep tajwid merekodkan skor min terendah pada tahap sederhana tinggi ( $M = 3.79$ ,  $SP = 0.58$ ), dengan hanya 8.7% responden menyatakan persetujuan manakala majoriti (61.7%) memilih tidak pasti. Ketiadaan maklum balas pada skala 'sangat tidak setuju' dan 'sangat setuju' memperlihatkan kecenderungan respons yang sederhana dalam kalangan guru.

Jadual 4: Tahap Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK)

| <b>Item</b>   | <b>STS</b> | <b>TS</b>     | <b>TP</b>     | <b>S</b>      | <b>SS</b> | <b>Min</b>  | <b>SP</b>   | <b>Interpretasi</b>     |
|---|------------|---------------|---------------|---------------|-----------|-------------|-------------|-------------------------|
| Menguasai ilmu tajwid untuk mengajar Tilawah al-Quran dengan berkesan.  | 0<br>(0%)  | 46<br>(30.9%) | 58<br>(38.9%) | 45<br>(30.2%) | 0<br>(0%) | 3.99        | 0.78        | Sederhana Tinggi        |
| Menguasai kaedah pengajaran yang sesuai untuk Tilawah al-Quran.         | 0<br>(0%)  | 13 (8.7%)     | 92<br>(61.7%) | 44<br>(29.5%) | 0<br>(0%) | 4.21        | 0.58        | Tinggi                  |
| Dapat mengenal pasti kesalahan bacaan Tilawah al-Quran murid.           | 0<br>(0%)  | 45<br>(30.2%) | 58<br>(38.9%) | 46<br>(30.9%) | 0<br>(0%) | 4.01        | 0.78        | Tinggi                  |
| Dapat menerangkan konsep tajwid dengan tepat kepada murid.              | 0<br>(0%)  | 44<br>(29.5%) | 92<br>(61.7%) | 13 (8.7%)     | 0<br>(0%) | 3.79        | 0.58        | Sederhana Tinggi        |
| Dapat menunjukkan cara sebutan huruf yang betul dalam Tilawah al-Quran. | 0<br>(0%)  | 46<br>(30.9%) | 58<br>(38.9%) | 45<br>(30.2%) | 0<br>(0%) | 3.99        | 0.78        | Sederhana Tinggi        |
| <b>Min Keseluruhan</b>  |            |               |               |               |           | <b>4.00</b> | <b>0.70</b> | <b>Sederhana Tinggi</b> |

#### 5.4. Analisis Korelasi

Analisis korelasi Pearson dijalankan untuk mengkaji hubungan antara lapan dimensi pengalaman mengajar dengan PPK dalam kalangan guru Tilawah Al-Quran ( $N = 149$ ). Analisis menunjukkan dimensi keyakinan mempunyai hubungan negatif yang signifikan dengan PPK ( $r(147) = -.175$ ,  $p = .033$ ). Walau bagaimanapun, tiada hubungan signifikan ditemui antara PPK dengan dimensi-dimensi pengalaman mengajar yang lain: penyesuaian kaedah mengajar ( $r(147) = .108$ ,  $p = .189$ ), menerangkan konsep kompleks ( $r(147) = -.107$ ,  $p = .195$ ), pandangan rakan sekerja ( $r(147) = .081$ ,  $p = .328$ ), pencapaian murid ( $r(147) = .044$ ,  $p = .593$ ), maklum balas murid ( $r(147) = .040$ ,  $p = .629$ ), dan strategi pengajaran ( $r(147) = .018$ ,  $p = .831$ ). Konstruk pengalaman mengajar secara keseluruhan juga tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dengan PPK ( $r(147) = .000$ ,  $p = .999$ ).

Jadual 5: Korelasi antara Pengalaman Mengajar dan Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK)

| <b>Konstruk Pengalaman Mengajar</b>                                    | <b>Pearson Correlation (r)</b> | <b>P-value</b> | <b>Interpretasi Hubungan</b>     |
|--|--------------------------------|----------------|----------------------------------|
| Pengalaman mengajar meningkatkan keyakinan                             | -0.175*                        | 0.033          | Hubungan negatif yang signifikan |
| Menggunakan strategi pengajaran berkesan                               | 0.018                          | 0.831          | Tiada hubungan signifikan        |
| Menyesuaikan kaedah mengajar   | 0.108                          | 0.189          | Tiada hubungan signifikan        |
| Menilai berdasarkan maklum balas murid                                 | 0.040                          | 0.629          | Tiada hubungan signifikan        |
| Menilai berdasarkan pandangan rakan sekerja                            | 0.081                          | 0.328          | Tiada hubungan signifikan        |
| Menilai berdasarkan pencapaian murid                                   | 0.044                          | 0.593          | Tiada hubungan signifikan        |
| Menerangkan konsep kompleks  | -0.107                         | 0.195          | Tiada hubungan signifikan        |
| Pengalaman Mengajar (Keseluruhan)*Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) | 0.000                          | 0.999          | Tiada hubungan signifikan        |

## **6. PERBINCANGAN KAJIAN**

### **6.1. Tahap Pengalaman Mengajar**

Pengalaman mengajar Tilawah Al-Quran dalam kalangan guru Pendidikan Islam memaparkan senario yang kurang memberangsangkan dalam landskap pendidikan Islam semasa. Keupayaan guru menguasai konsep pengajaran tidak seiring dengan keberkesanannya pelaksanaan di dalam kelas sekali gus menunjukkan kelemahan dalam sistem pembangunan guru yang memerlukan perhatian segera. Kajian Norhannan Ramli dan Hafizhah Zulkifli (2022) menegaskan bahawa kebanyakan guru masih terikat dengan kaedah pengajaran tradisional yang tidak memenuhi keperluan pembelajaran murid masa kini. Lebih membimbangkan lagi, kajian Zurina Mustaffa et al. (2021) mendedahkan tahap sederhana dalam pelaksanaan pedagogi terbeza di Zon Selatan, membuktikan guru-guru masih belum bersedia sepenuhnya untuk mengadaptasi pengajaran mengikut kepelbagaiannya murid. Kekurangan pengetahuan tentang Pengajaran Terbeza seperti yang dilaporkan oleh Nuraishahtun Mohd Jamil et al. (2019) telah memberi kesan langsung kepada pencapaian murid, seterusnya menyumbang kepada kelemahan berterusan dalam penguasaan bacaan al-Quran seperti yang dikenal pasti oleh Sapie Sabilan et al. (2018). Sistem pendidikan Islam memerlukan transformasi segera dalam tiga aspek pembangunan profesional guru untuk menangani cabaran ini. Latihan intensif dalam pedagogi terbeza perlu diperkuuh untuk membolehkan guru mengadaptasi pengajaran mengikut keperluan murid yang pelbagai (Bin Jamil et al., 2024). Pengintegrasian teknologi pendidikan dalam pengajaran Tilawah Al-Quran perlu dipergiat untuk menarik minat murid generasi digital. Pembinaan komuniti pembelajaran profesional yang aktif pula akan membolehkan guru berkongsi amalan terbaik dan saling memperkasa dalam meningkatkan kualiti pengajaran. Usaha ini bukan sahaja akan meningkatkan keberkesanannya pengajaran Tilawah Al-Quran, malah akan memastikan sistem pendidikan Islam kekal relevan dan berkesan dalam mendidik generasi akan datang.

### **6.2. Tahap Pengetahuan Pedagogi Kandungan**

PPK dalam kalangan guru Tilawah Al-Quran menunjukkan corak yang menarik perhatian dalam konteks pendidikan Islam kontemporari. Walaupun guru menunjukkan penguasaan yang tinggi dalam kaedah pengajaran dan pengenalpastian kesalahan bacaan, mereka masih menunjukkan kelemahan dalam aspek penerangan konsep tajwid kepada murid. Kajian Nuraisyah Muhammad dan Faridah Mydin Kutty (2021) mengesahkan fenomena ini dengan mendedahkan guru masih belum menguasai sepenuhnya kaedah pengajaran terbeza yang sesuai untuk kepelbagaiannya murid dalam kelas. Keadaan ini dirumitkan lagi dengan dapatan Nur Hazwani Yusof et al. (2024) yang mendapati guru kekurangan pengetahuan dan kemahiran untuk melaksanakan pembelajaran yang responsif kepada keperluan murid yang berbeza. Faktor-faktor seperti kekurangan latihan khusus dalam pedagogi al-Quran, keterbatasan pendedahan kepada kaedah pengajaran kontemporari, dan kelemahan dalam mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran seperti yang dilaporkan oleh Dorahim Maidin et al. (2024) telah menyumbang kepada tahap PPK yang belum mencapai tahap optimum. Implikasi daripada situasi ini amat ketara dalam konteks PdP Tilawah Al-Quran. Guru perlu diperkasa dengan pengetahuan pedagogi yang lebih mendalam melalui latihan profesional yang berstruktur dan berterusan. Program mentor-mentee antara guru berpengalaman dan baharu perlu dipergiat untuk memudahkan pemindahan pengetahuan pedagogi yang berkesan. Penggunaan teknologi pendidikan dalam pengajaran Tilawah Al-Quran juga perlu dipertingkatkan untuk memenuhi tuntutan pembelajaran abad ke-21. Usaha kolektif ini penting untuk memastikan guru-guru Pendidikan Islam dapat menyampaikan pengajaran Tilawah Al-Quran dengan lebih berkesan dan bermakna kepada generasi murid yang semakin mencabar.

### **6.3. Hubungan antara Pengalaman Mengajar dengan PPK**

Analisis hubungan antara pengalaman mengajar dengan PPK mendedahkan satu penemuan yang membimbangkan dalam konteks pendidikan Islam. Ketidaaan hubungan signifikan antara kedua-dua konstruk ini, kecuali hubungan negatif yang signifikan dalam dimensi keyakinan, menggambarkan jurang kritis dalam pembangunan profesional guru Pendidikan Islam. Dapatan ini disokong oleh kajian Mohd Muzzammil Sharif dan Harun Baharudin (2022) yang mendapati pengalaman mengajar semata-mata tidak menjamin keberkesanannya pengajaran tanpa penerapan pendekatan pedagogi yang sesuai. Malah, kajian Mohd Nahi Abdullah (2018) turut mengesahkan bahawa amalan pengajaran Tilawah Al-Quran yang berkesan memerlukan lebih daripada sekadar pengalaman, tetapi juga pemahaman mendalam tentang kaedah pengajaran inovatif. Hubungan negatif dalam dimensi keyakinan boleh dikaitkan dengan fenomena yang diketengahkan oleh Muhammad Adib dan Jamayah Lasot (2023), iaitu guru yang lebih berpengalaman mungkin kurang terbuka untuk menerima kaedah pengajaran baharu seperti Pengajaran Terbeza. Implikasi daripada dapatan ini amat mendalam dan memerlukan perhatian segera. Sistem latihan guru perlu distruktur semula untuk memastikan pengalaman mengajar dapat diterjemahkan kepada peningkatan PPK yang bermakna. Program pembangunan profesional perlu memberi penekanan kepada integrasi pengalaman dengan inovasi pedagogi. Mekanisme sokongan yang berterusan juga perlu diwujudkan untuk membantu guru mengadaptasi amalan pengajaran mereka mengikut keperluan pembelajaran semasa. Usaha ini penting untuk memastikan pengalaman mengajar dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam meningkatkan kualiti pengajaran Tilawah Al-Quran di sekolah.

## 6.4. Implikasi Kajian

Kajian ini memberikan sumbangan penting kepada bidang pengajaran Tilawah al-Quran melalui beberapa penemuan utama. Analisis statistik mendedahkan hubungan negatif yang signifikan antara keyakinan guru dengan PPK, manakala aspek pengalaman mengajar yang lain tidak menunjukkan sebarang hubungan yang ketara dengan PPK. Penemuan ini memberikan perspektif baharu kepada pemahaman tentang pengajaran Tilawah al-Quran, menunjukkan bahawa keyakinan yang tinggi dalam pengajaran tidak semestinya menggambarkan PPK yang mantap. Kajian ini turut menyumbang dalam aspek pengukuran dengan membangunkan soal selidik yang mengukur tujuh aspek pengalaman mengajar guru Tilawah al-Quran secara khusus, mencapai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Dapatkan ini membawa kepada keperluan untuk mengubah pendekatan dalam pembangunan profesional guru. Program latihan perlu memberi tumpuan kepada pengukuhan PPK, berbanding hanya membina keyakinan guru. Penilaian keberkesanan pengajaran juga perlu mengambil kira pandangan dari pelbagai sumber - maklum balas murid, pandangan rakan sekerja dan pencapaian pembelajaran. Bagi pihak pembuat dasar, kajian ini menunjukkan kepentingan untuk mengkaji semula kandungan latihan guru supaya lebih seimbang antara pembinaan kemahiran mengajar dengan penguasaan PPK. Kajian akan datang perlu meneliti dengan lebih mendalam mengapa keyakinan guru mempunyai hubungan negatif dengan PPK, serta mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan aspek pengalaman mengajar yang lain.

## 6.5 Cadangan Kajian Lanjutan

Berdasarkan dapatan kajian ini, beberapa cadangan kajian lanjutan perlu diberi perhatian untuk memahami dengan lebih mendalam hubungan antara pengalaman mengajar dengan PPK dalam pengajaran Tilawah al-Quran. Pertama, kajian menggunakan kaedah campuran diperlukan untuk memahami mengapa keyakinan guru mempunyai hubungan negatif dengan PPK, serta mengapa aspek pengalaman mengajar yang lain tidak menunjukkan hubungan yang signifikan. Kedua, kajian perbandingan antara guru di pelbagai institusi pendidikan boleh menjelaskan bagaimana konteks pengajaran mempengaruhi hubungan antara strategi pengajaran dan penilaian keberkesanan dengan PPK. Kajian eksperimental juga diperlukan untuk menguji keberkesanan program latihan yang memberi fokus kepada pengukuhan hubungan antara tujuh aspek pengalaman mengajar dengan lima dimensi PPK. Pemerhatian sistematis dalam bilik darjah boleh memberi gambaran lebih tepat tentang bagaimana guru mengaplikasikan pengalaman mengajar mereka dalam pengajaran sebenar, terutamanya dari segi penyesuaian kaedah mengajar dan penilaian keberkesanan pengajaran. Kajian longitudinal pula boleh mengesan perubahan dalam hubungan antara pengalaman mengajar dengan PPK, khususnya dalam aspek keyakinan guru dan keupayaan menerangkan konsep kompleks. Kajian perbandingan antara negeri juga penting untuk memahami bagaimana faktor kontekstual mempengaruhi hubungan antara pengalaman mengajar dengan PPK dalam pengajaran Tilawah al-Quran.

## 7. KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji hubungan antara pengalaman mengajar dengan PPK dalam pengajaran Tilawah al-Quran dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan, kajian ini melibatkan seramai 149 orang guru Pendidikan Islam sebagai responden. Dapatkan utama kajian menunjukkan tahap pengalaman mengajar guru berada pada tahap sederhana tinggi, dengan kekuatan utama dalam aspek menerangkan konsep kompleks dan menyesuaikan kaedah pengajaran, manakala tahap PPK juga berada pada tahap sederhana tinggi, dengan penguasaan kaedah pengajaran mencatatkan skor tertinggi. Penemuan utama ialah wujudnya hubungan negatif yang signifikan antara dimensi keyakinan mengajar dengan PPK, manakala tiada hubungan signifikan ditemui antara dimensi pengalaman mengajar yang lain dengan PPK. Dapatkan ini menunjukkan bahawa pengalaman mengajar dalam tempoh yang lama tidak semestinya membawa kepada peningkatan dalam PPK, malah keyakinan berlebihan boleh memberi kesan negatif kepada perkembangan profesional guru. Berdasarkan ketiga-tiga objektif kajian yang ditetapkan, kajian ini telah berjaya mengenal pasti tahap pengalaman mengajar dan PPK guru, serta menentukan hubungan antara kedua-dua konstruk ini dalam konteks pengajaran Tilawah al-Quran. Penemuan ini membuka ruang baharu untuk penambahbaikan dalam sistem pendidikan al-Quran di Malaysia.

Refleksi terhadap dapatan kajian ini membawa kepada beberapa pemerhatian penting dalam konteks pendidikan Tilawah al-Quran di Malaysia. Tahap pengalaman mengajar dan PPK yang sederhana tinggi, serta hubungan negatif antara keyakinan dengan PPK, menggambarkan kompleksiti dalam proses PdP al-Quran. Fenomena ini selaras dengan teori efikasi kendiri yang menekankan bahawa keyakinan berlebihan tanpa disokong oleh pengetahuan pedagogi yang kukuh boleh menjasakan keberkesanan pengajaran. Hubungan yang kompleks ini memberi sumbangan baharu kepada bidang pendidikan Islam dengan mendedahkan keperluan untuk mengimbangi antara pengalaman praktikal dengan pengetahuan pedagogi kontemporari. Implikasi dapatan ini terhadap sistem pendidikan adalah mendalam, menunjukkan keperluan mendesak untuk merombak program pembangunan profesional guru agar lebih memfokuskan kepada integrasi pengalaman dengan inovasi pedagogi. Kegagalan menangani jurang ini boleh mengakibatkan kemerosotan berterusan dalam kualiti pengajaran Tilawah al-Quran, yang seterusnya memberi kesan kepada pencapaian murid. Dapatkan ini juga mencetuskan persoalan tentang keberkesanan pendekatan semasa dalam latihan guru dan pembangunan profesional berterusan. Transformasi dalam pendekatan pengajaran Tilawah al-Quran perlu mengambil kira kompleksiti hubungan antara pengalaman mengajar dengan PPK untuk memastikan peningkatan kualiti pendidikan yang berterusan dan menyeluruh.

Kajian ini memberi gambaran komprehensif tentang hubungan antara pengalaman mengajar dengan PPK dalam pengajaran Tilawah al-Quran, mendedahkan jurang yang perlu ditangani dalam sistem pendidikan Islam di Malaysia. Penemuan utama yang menunjukkan hubungan negatif antara keyakinan dengan PPK membawa mesej penting tentang keperluan untuk menilai semula pendekatan dalam pembangunan profesional guru. Diharapkan agar dapatkan kajian ini dapat menjadi pemangkin kepada transformasi dalam sistem pendidikan al-Quran, terutamanya dalam aspek latihan dan pembangunan guru. Penambahbaikan yang dicadangkan termasuk pembentukan program latihan yang lebih holistik, yang mengimbangi antara pengalaman praktikal dengan inovasi pedagogi. Pengintegrasian teknologi dalam pengajaran Tilawah al-Quran, penerapan kaedah pedagogi terbeza, dan pemantauan berterusan terhadap keberkesanan pengajaran perlu diberi keutamaan dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan. Sistem sokongan yang lebih komprehensif untuk guru-guru Pendidikan Islam juga perlu diwujudkan bagi memastikan perkembangan profesional yang berterusan. Akhir kata, kejayaan dalam meningkatkan kualiti pengajaran Tilawah al-Quran bergantung kepada kesediaan semua pihak untuk melakukan perubahan paradigma dalam pendekatan PdP, demi memastikan generasi akan datang dapat menguasai al-Quran dengan lebih berkesan.

### **Research and Publication Ethics Statement**

All participants provided consent before contributing their feedback to this research. To maintain confidentiality, we collected no personally identifiable information or names, ensuring complete anonymity throughout this paper. We conducted an objective analysis of the collected data in alignment with our established research goals.

### **Contribution Rates of Authors to the Article**

Every member of the authorship team played a role in creating this manuscript.

### **Statement of Interest**

We affirm that no competing interests exist that could have influenced this work.

### **REFERENCES**

- Agus Supriyanto, Sri Hartini, Syamsudin Syamsudin & Anwar Sutoyo. (2019). Indicators of professional competencies in research of guidance and counseling teachers. *Counsellia: Jurnal Bimbingan dan Konseling*, 9(1), 53-64. <https://doi.org/10.25273/counsellia.v9i1.3927>
- Ain Nur Atika Agus. (2021). Tahap pengetahuan dan kesediaan guru bahasa melayu dalam melaksanakan pendekatan terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah semasa tempoh perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 75-87. Retrieved from <https://journalarticle.ukm.my/16764/>
- Al-Ghazali, A. H. M. (1988). *Ihya ulum al-din*. Pustaka Nasional.
- Al-Ghazali, A. H. M. (1988). *Ihya-Ulumiddin*. Victory Ajensi Press.
- Alfalah, A. (2018). Perceptions toward adopting virtual reality as a teaching aid in information technology. *Education and Information Technologies*, 23(6), 2633-2653. <https://doi.org/10.1007/s10639-018-9734-2>
- Alis Puteh. (2012). *Pendidikan dan pembangunan: Kejayaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di Malaysia*. UUM Press.
- Bandura, A. (1997). *Self-efficacy: The exercise of control*. W.H. Freeman and Company.
- Berliner, D. C. (1988). *The development of expertise in pedagogy*. AACTE Publications.
- Bin Jamil, A.I., Rekan, A.A., Badar, S. (2024). From Integrated to Standard: Reformation of the Islamic Religious Education Curriculum and Teacher Training in Malaysia. In: Akgün, B., Alpaydın, Y. (eds) *Global Agendas and Education Reforms. Maarif Global Education Series*. Palgrave Macmillan, Singapore. [https://doi.org/10.1007/978-981-97-3068-1\\_9](https://doi.org/10.1007/978-981-97-3068-1_9)
- Creswell, J.W. & Creswell, J.D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approach*. Sage.
- Daniel Arif Abdul Muttalip. (2020). Pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru Bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah pedalaman Kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(2), 29–42. <https://journalarticle.ukm.my/16194/>
- Darling-Hammond, L., Hyler, M. E., & Gardner, M. (2017). *Effective teacher professional development*. Learning Policy Institute.
- Daumiller, M., Janke, S., Hein, J., Rinas, R., Dickhäuser, O., & Dresel, M. (2021). Do teachers' achievement goals and self-efficacy beliefs matter for students' learning experiences? Evidence from two studies on perceived teaching quality and emotional experiences. *Learning and Instruction*, 76, 101458. <https://doi.org/10.1016/j.learninstruc.2021.101458>
- Dorahim Maidin, Nurazmallail Marni & Muhammad Talhah Ajmain@Jima'ain. (2024). 21st Century Islamic Education Teachers' Teaching Practice in Teaching Recitation of The Qur'an. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 13(1). <https://doi.org/10.6007/ijarped/v13-i1/21209x>
- Etikan, I., & Bala, K. (2017). Sampling and sampling methods. *Biometrics & Biostatistics International Journal*, 5(6), 215-217. <https://doi.org/10.15406/bbij.2017.05.00149>

- Fan, W., & Yan, Z. (2010). Factors affecting response rates of the web survey: A systematic review. *Computers in Human Behavior*, 26(2), 132–139. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2009.10.015>
- Fauth, B., Decristan, J., Decker, A.-T., Büttner, G., Hardy, I., Klieme, E., & Kunter, M. (2019). The effects of teacher competence on student outcomes in elementary science education: The mediating role of teaching quality. *Teaching and Teacher Education*, 86, 102882. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2019.102882>
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2018). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian* (2nd ed.). Universiti Malaya Press.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2019). *Multivariate Data Analysis* (8th ed.). Cengage Learning EMEA.
- Hapini Awang, Mohd Zaini Zakaria, Abdul razak F.Shahatha Al-Mashhadani, Ramlan Mustapha, Mohd Faiz Mohd Yaakob, Adnan Mohamed Yusof, Nusairah Ramli, et al. (2022). Tarannum Smart Learning Application: Embracing the beauty of tarannum through multimedia technology. *International Journal of Evaluation and Research in Education*, 11(2), 897–906. <https://doi.org/10.11591/ijere.v11i2.22388>
- Haziyah Hussin & Masitah Ismail. (2018). Keberkesanan kaedah al-matien dalam pembelajaran tilawah al-Quran al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah, 3(2), 1–8. Retrieved from <https://spaj.ukm.my/jalturath/index.php/jalturath/article/view/72>
- Kini, T., & Podolsky, A. (2016). Does teaching experience increase teacher effectiveness? A review of the research. Learning Policy Institute.
- Mahler, D., Großschedl, J., & Harms, U. (2018). Does motivation matter? The relationship between teachers' self-efficacy and enthusiasm and students' performance. *PLOS ONE*, 13(11), e0207252. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0207252>
- Martínez-Mesa, J., González-Chica, D. A., Duquia, R. P., Bonamigo, R. R., & Bastos, J. L. (2016). Sampling: how to select participants in my research study? *Anais Brasileiros De Dermatologia*, 91(3), 326–330. <http://dx.doi.org/10.1590/abd1806-4841.20165254>
- Mishra, P., & Koehler, M.J. (2006). Technological pedagogical content knowledge: A framework for teacher knowledge. *Teachers College Record*, 108(6), 1017–1054. <https://doi.org/10.1111/j.1467-9620.2006.00684.x>
- Mohd Muzzammil Sharif & Harun Baharudin. (2023). Implementasi pengajaran terbeza tilawah al-quran dan keterlibatan murid di Sekolah Rendah Daerah Keramat, Kuala Lumpur. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 2(2), 84–102. Retrieved from <https://journal.unisza.edu.my/inspire/index.php/inspire/article/view/44>
- Mohd Nahi Abdullah. (2018). *Amalan pengajaran tilawah al-Quran berkesan dalam kalangan guru Pendidikan Islam* [Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia]. Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository. <https://eprints.utm.my/79393/>
- Mohd Syahazamir Sahmat. (2021). *Pola pengajaran tarannum di Sarawak* [Master's thesis, Universiti Pendidikan Sultan Idris]. UPSI Digital Repository (UDRep). <https://ir.upsi.edu.my/detailsg.php?det=7001>
- Mohd Syakir Moktar & Mohd Farid Mohd Sharif. (2021). Kaedah Talaqqi Musyafahah Dalam Tilawah al-Quran. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*. <https://doi.org/10.51200/manu.vi.3280>
- Morris, D.B., Usher, E.L. & Chen, J.A. Reconceptualizing the Sources of Teaching Self-Efficacy: a Critical Review of Emerging Literature. *Educational Psychology Review* 29, 795–833 (2017). <https://doi.org/10.1007/s10648-016-9378-y>
- Muhammad Adib & Jamayah Lasot. (2023). Tahap efikasi kendiri guru pelatih Pendidikan Islam IPGKTAR dengan amalan pembelajaran abad Ke-21 semasa praktikum. In Muhammad Amar Sayuti Musleh (Ed), *Prosiding Penyelidikan Pendidikan Islam (PPPI) IPGKTAR 2023* (pp. 87-92). Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak.
- Muhammad Amirullah Jasni & Mohd Isa Hamzah. (2023). Kaedah Talaqqi Musyafahah dalam Pembelajaran Al-Quran di Malaysia. *9th International Conference on Business Studies and Education (ICBE)*, 67-74. <https://www.icbe.my/wp-content/uploads/2023/04/8-1.pdf>
- Muhammad Nazir Mohammed Khalid, Hafiza Ab Hamid, Mohd Firdaus Khalid & Mohammad Ashri Abu Hassan Muhammad B. Daoh. (2017). Kefahaman surah Al-Fatihah melalui permainan bahasa bermultimedia. *Journal of Education and Social Sciences*, 7(1), 316–325.
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawi, Muhammad Amirul Mohd Nor, Mohd Rashidi Omar & Norhisham Muhamad. (2021). Pembacaan al-Quran dalam pendidikan masa kini: Satu tinjauan umum. *Jurnal Al-Turath*, 6(1), 42–55. <http://journalarticle.ukm.my/17374/1/144-286-2-PB.pdf>
- Noor Azaref Naim Jamalludin Harun. (2014, 23-24). *Teknik pembelajaran tilawah al-Qur'an di Era ICT* [Conference session]. 1st International Education Postgraduate Seminar, Johor Bahru, Malaysia.
- Nor Hafizi Yusof, Mohd A'tarhim Mohd Razali, Najmiah Omar, Mohamed Fathy Mohamed Abdelgelil & Mohd Shafiee Hamzah. (2023). Concept and execution of talaqqi and musyafahah method in learning al-Quran. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(11), 559–565. DOI: 10.6007/IJARBSS/v8-i11/4930
- Norhannan Ramli & Hafizhah Zulkifli. (2022). Tahap Kesediaan dan Motivasi Guru Pendidikan Islam terhadap Pengajaran dan Pembelajaran atas Talian. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education*, 2(2), 16–30.
- Norhisham Muhamad, Azmil Hashim, Wahyu Hidayat Abdullah, Muhammad Akramin Kamarul Zaman & Fatin Ardani Zamri. (2019). Method of talaqqi musyafahah in teaching Al Quran wa Al-Hifz Dini Curriculum Sabk in Perak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(32), 273–283. <https://doi.org/10.35631/ijepc.4320025>
- Nur Hazwani Yusof, Mardzelah Makhsin & Mohamad Fadhli Ilias. (2024). Pembangunan inovasi bahan bantu mengajar menggunakan komik dalam pendidikan al-Quran: Development of teaching aid innovation using comics in Quranic

- education. *Semarak International Journal of Innovation in Learning and Education*, 1(1), 32-42. <https://doi.org/10.37934/sijile.1.1.3242>
- Nuraishahtun Md Akhir, Zamri Mahamod, Siti Faraziah Md Akib & Norshiha Hj Sailon. (2019, September 21-22). *Pelaksanaan modul pedagogi terbeza Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu* [Conference session]. Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara (SKEPEN) Ke-6. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.
- Nuraishahtun Md. Akhir, Zamri Mahamod, Siti Faraziah Md. Akib & Norshiha Sailon. (2019, September 21-22). Pelaksanaan modul pedagogi terbeza Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu [Conference session]. Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara (SKEPEN) Ke-6, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.
- Nuraisyah Muhammad & Faridah Mydin Kutty. (2021). Hubungan antara pembelajaran regulasi kendiri dan motivasi terhadap pencapaian akademik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 215–229. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i9.1006>
- Pallant, J. (2020). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using IBM SPSS* (7th ed.). Open University Press.
- Polit, D. F. & Beck, C. T. (2006). The Content Validity Index: Are You Sure You Know What's Being Reported? Critique and Recommendations. *Research in Nursing & Health*, 29(5), 489-497. <https://doi.org/10.1002/nur.20147>.
- Rozmi Ismail. (2016). *Metodologi penyelidikan: Teori dan praktis*. Universiti Kebangsaan Malaysia Press.
- Salleh, M.N.M., Rekan, A.A., Rizal M.S.S. (2024). The Innovative Teaching Module Design for Taranum Bayy t Incorporates Audio-Visual Aids with Simplistic Melodies and Directional Illustrations. *AlBayan*. 22(1), 108-137. doi:10.1163/22321969-20240147
- Sapie Sabilan, Barinah Ibrahim, Suhana Mohd Lip, Mohamad Fuad Ishak & Siti Nga'ishah Mohni. (2018). *Analisis tahap penguasaan bacaan al-Quran murid Tahun 5 Sekolah Kebangsaan Sungai Karang berdasarkan Model Khatam* [Conference session]. Prosiding Seminar International Conference on Islamic Education & Research (ICIER 2016), Eagle Bay, Langkawi, Malaysia.
- Shearer, C. B., & Karanian, J. M. (2018). The neuroscience of intelligence: Empirical support for the theory of multiple intelligences. *Trends in neuroscience and education*, 6, 3-13. <https://doi.org/10.1016/j.tine.2017.02.002>
- Shulman, L. S. 1987. Knowledge and teaching: Foundations of the new reform. *Harvard Educational Review*, 57, 1-22. <http://dx.doi.org/10.17763/haer.57.1.j463w79r56455411>
- Siti Nur Aziemah Rosli, & Khadijah Abdul Razak. (2021). Cabaran dan cadangan penyelesaian tasmik atas talian. *Jurnal Ilmi*, 11, 137-145. Retrieved from <https://www.kuim.edu.my/journal/index.php/JILMI/article/view/1085>
- Suprayogi, M. N., Valcke, M., & Godwin, R. (2017). Teachers and their implementation of differentiated instruction in the classroom. *Teaching and Teacher Education*, 67, 291-301. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2017.06.020>
- Zetty Nurzuliana Rashed, Mariam Abd Majid, Sahlawati Abu Bakar, Suriani Sudi, Wan Ramizah Hasan & Muhammad Yusuf Marlon B. Abdullah. (2015). Amalan pengajaran guru tilawah al-Quran: Kajian kes di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 1(1), 77-86. <http://www.journaltamu.com/wp-content/uploads/2015/06/TAMU-Vol-1-June-2015-8-77-86.pdf>
- Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman. (2022). Kaedah Fuzzy Delphi: Reka bentuk pembangunan model pedagogi terbeza berdasarkan elemen proses pengajaran dalam mata pelajaran tilawah al-Quran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), 1-18. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1525>
- Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin & Abdul Muhsin Sulaiman. (2021). Kaedah pengajaran pedagogi terbeza dalam konteks gaya belajar dan keadilan kepada murid: Pemikiran Imam Ibn Sahnun. *Global Journal Al-Thaqafah: GJAT*, 11(2), 86-95. <https://doi.org/10.7187/GJAT122021-9>